




KERAJAAN MELAYU AWAL

NOTA EFEKTIF

Kerajaan Melayu Awal di Alam Melayu



Monumen Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu



Kerajaan Funan



Kerajaan Champa



NOTA EFEKTIF



Kerajaan Kedah Tua



Kerajaan Srivijaya



Kerajaan Mataram



Kerajaan Majapahit

Lokasi Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu



Kerajaan Kedah Tua

Lokasi kerajaan ini di Sungai Mas dan Pangkalan Bujang, Lembah Bujang, Kedah.

Kerajaan Gangga Nagara

Lokasi kerajaan ini di Pantai Barat bahagian tengah Tanah Melayu yang terletak di Perak.

Kerajaan Beruas

Lokasi kerajaan ini di Pantai Barat bahagian tengah Tanah Melayu yang terletak di Perak.

Kerajaan Chih Tu

Lokasi kerajaan ini di Tanah Merah, Kelantan.



NOTA EFEKTIF

Kerajaan Santubong

Lokasi kerajaan ini di Sungai Sarawak, Sarawak.

Kerajaan Srivijaya

Lokasi kerajaan ini di Lembah Sungai Musi, Sumatera.

Kerajaan Mataram

Lokasi kerajaan ini di Jawa Tengah.

Kerajaan Majapahit

Lokasi kerajaan ini berpusat di Trowulan, Mojokerto, Jawa Timur.

Hubungan Diplomatik Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu



Hubungan diplomatik ialah hubungan yang terjalin antara sebuah kerajaan dengan kerajaan yang lain. Kerajaan Melayu awal menjalin hubungan diplomatik dengan dua kuasa besar pada masa itu, iaitu China dan India.

China

- Kedah Tua
- Srivijaya
- Majapahit

India

Politik

Menjalinkan hubungan untuk mendapatkan pengiktirafan dan menjamin keselamatan bagi mengekalkan kedudukan.



Ekonomi

- Memasarkan barang dagangan seperti rempah-ratus, bijih timah dan emas kepada kerajaan China dan India.
- Ditawarkan barangan mewah seperti tembikar, sutera, dan perhiasan.
- Hubungan diplomatik ini dapat meningkatkan kemakmuran kerajaan Melayu Awal.

Sosial

Mengeratkan persahabatan dan hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan. Hubungan ini dapat mewujudkan keamanan di Kepulauan Melayu.

Kegiatan Ekonomi Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu



Pertanian

- Lokasi di lembah sungai amat sesuai untuk kegiatan pertanian kerana tanahnya subur.
- Mengusahakan tanaman padi, pisang, buah pala, dan ubi kayu.
- Dipasarkan untuk memenuhi keperluan penduduk.

Pelabuhan dan Perdagangan

- Lokasi di Kepulauan Melayu yang berada di jalan laut perdagangan timur dan barat menjadikan perdagangan berkembang maju.
- Kewujudan pelabuhan memudahkan pedagang singgah dan menjalankan kegiatan perdagangan.
- Barangan dagangan utama iaitu rempah-ratus seperti lada hitam, bunga cengkih dan buah pala.

Hasil Hutan dan Hasil Laut

- Hasil hutan iaitu gaharu, rotan, sarang burung dan kapur barus.
- Hasil laut ialah kulit penyu, teripang dan mutiara.
- Mendapat permintaan tinggi daripada pedagang.
- Kerajaan yang mengeluarkan hasil hutan dan hasil laut ialah kerajaan Gangga Nagara, Chih-Tu dan Srivijaya.

Perlombongan dan Pembuatan

- Kegiatan perlombongan seperti bijih timah, bijih besi dan emas.
- Kegiatan pembuatan menghasilkan barang perhiasan, tembikar dan senjata.
- Kerajaan Kedah Tua, Gangga Nagara dan Santubong merupakan kerajaan yang menjalankan kegiatan perlombongan dan pembuatan.